02/06/2002

PM kecewa NGO halang kemajuan

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kekecewaan dengan kegiatan badan bukan kerajaan (NGO) yang menerima bantuan negara asing untuk menghalang rakyat menikmati kesejahteraan.

Ini termasuk percubaan menghalang pembekalan air dan elektrik kerana kononnya ia akan merosakkan alam sekitar, katanya.

"Mereka (NGO) harus ingat bahawa di negara asing yang memberi bantuan wang kepada mereka, persekitaran alam mereka sudah lama dimusnahkan supaya mereka mendapat bekalan air dan elektrik yang murah untuk pembangunan ekonomi mereka," katanya.

"Rakyat Malaysia yang sanggup diperalatkan oleh mereka sebenarnya menderhaka kepada negara dan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada istiadat menghadap dan pengurniaan darjah kebesaran dan pingat-pingat sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara semalam.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata majoriti rakyat amat setia kepada negara, tidak menimbulkan masalah dan berusaha bersungguh-sungguh membantu pembangunan negara.

Rakyat bersama-sama dengan kerajaan akan menangani segala cabaran termasuk globalisasi, pembukaan sempadan dan kedatangan Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) dengan penuh semangat dan keyakinan akan kemampuan diri, katanya.

Sambil menyatakan keyakinan terhadap keupayaan majoriti rakyat untuk celik komputer dan berkebolehan mengendalikan ICT, Dr Mahathir berkata persediaan ke arah itu akan membuatkan negara tidak ketinggalan dalam arus kemodenan dan keterbukaan dunia.

Mengenai pertumbuhan ekonomi, Dr Mahathir yakin negara berupaya berkembang lebih tinggi tahun ini berbanding jangkaan sebelumnya.

Kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia diramalkan mencecah lebih empat peratus kesan dari pemulihan ekonomi negara yang memberangsangkan, katanya.

Sebelum ini Dr Mahathir pernah berkata ekonomi Malaysia dijangka tumbuh tiga peratus tahun ini manakala Bank Negara pula meletakkan angka itu pada 3.5 peratus.

Pada suku pertama tahun ini keluaran dalam negara kasar negara berkembang pada kadar 1.1 peratus.

Perdana Menteri berkata pemulihan ekonomi negara dibantu oleh timbulnya keyakinan di kalangan pelabur asing terutamanya dari Amerika Syarikat untuk kembali aktif dalam perniagaan antarabangsa, khasnya di rantau sebelah sini.

Amerika Syarikat yang adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sudah mula pulih dari kemelesetan ekonomi selepas tragedi 11 September dan mengimport semula barangan keluaran Malaysia, terutama elektronik.

"Pelabur asing juga turut menyumbang kepada pemulihan pesat ekonomi negara dengan terus membuat pelaburan secara langsung ke dalam negara sama ada untuk perusahaan baru ataupun memperbesarkan operasi mereka.

"Demikian juga pelaburan dalam pasaran saham. Taraf kredit Malaysia juga bertambah baik," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata ekonomi negara berada pada landasan yang sihat kesan daripada strategi kerajaan memulihkannya, antaranya menerusi langkah mempelbagaikan aktiviti ekonomi negara, peruntukan khas untuk

merangsangkan ekonomi dan pembukaan pasaran eksport yang baru.

Perdana Menteri berkata kejayaan negara menangani tekanan ekonomi dari luar telah meningkatkan keyakinan rakyat akan kebolehan kerajaan menangani krisis.

Keyakinan itu turut mengurangkan kesan daripada tindakan tidak bertanggungjawab oleh elemen tertentu dalam masyarakat yang hanya akan merumitkan usaha pemulihan keadaan dalam negara, katanya.

Pada masa yang sama, Malaysia dapat terus bebas daripada meminta-minta bantuan asing seperti dari Bank Dunia dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), kata Dr Mahathir.

"Ini menyelamatkan kebebasan kita dalam pengurusan hal ehwal negara, baik hal dalaman atau hal luaran," katanya.

Beliau juga mengucapkan rasa syukur kerana rakyat Malaysia begitu matang, sederhana dan membantu kerajaan dalam menghadapi masalah yang melanda negara.

"Malah, rakyat telah banyak berkorban untuk menjayakan strategi pemulihan ekonomi yang disusun oleh kerajaan," katanya.

Dr Mahathir juga melahirkan keyakinan anggota kabinet serta kakitangan perkhidmatan awam bahawa pertumbuhan ekonomi dan kemajuan yang pesat akan dicapai sepanjang Tuanku Syed Sirajuddin mengepalai negara.

(END)